

BAB TIGA :
PERUNTUKAN TA'LIQ DALAM ENAKMEN KELUARGA ISLAM
PERAK 2004.

3.1. Pendahuluan.

Ta'liq rasmi diperuntukkan dalam enakmen undang-undang keluarga Islam di Malaysia bertujuan melindungi hak dan kepentingan wanita.¹ Hal ini kerana sebelum ta'liq berkenaan dikuatkuasakan, terdapat pelbagai aduan isteri terhadap suami.² Kebanyakan aduan berkenaan berkisar kepada pengabaian nafkah isteri oleh suami setelah suami meninggalkan isteri dalam tempoh yang panjang dan penderaan oleh suami ke atas isteri.³

Perbincangan pada bab ini menumpukan kepada peruntukan ta'liq yang terkandung dalam Enakmen Keluarga Islam Perak (EKIP) 2004 kerana kajian ini dilakukan di negeri Perak. Selain itu, fasa-fasa perubahan ta'liq rasmi di negeri Perak diteliti bagi mengetahui kandungan ta'liq berkenaan yang pernah dikuatkuasakan di negeri Perak. Prosedur permohonan cerai ta'liq di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh turut diteliti dengan lebih dekat walaupun prosedur ini dikhususkan kepada aduan pelanggaran ta'liq rasmi. Hal ini bertujuan menyambut saranan Ibrahim Lembut yang mencadangkan kepada mahkamah syariah agar sebarang kewujudan ta'liq lain di antara pasangan dibicarakan di bawah seksyen 50 enakmen keluarga Islam.⁴ Saranan ini secara tidak langsung menjadikan pelanggaran ta'liq tambahan dibicarakan mengikut prosedur yang sama seperti ta'liq rasmi.

¹ Ismaliza Ismail, "Cerai Ta'liq: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kota Bharu, Kelantan" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2004), 54.

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ Ibrahim Lembut, "Kaedah Ta'liq Talak di Mahkamah Syariah", *Jurnal Hukum* xxi (2006), 151.

3.2. Peruntukan Ta'liq Dalam Enakmen Keluarga Islam Perak 2004.

Perbincangan ini dilakukan bertujuan untuk melihat ruang pelaksanaan ta'liq tambahan di negara ini berdasarkan peruntukan Enakmen Keluarga Islam Perk 2004 yang sedia ada. Ini bertujuan untuk mencari sandaran yang boleh digunapakai bagi menyokong pengamalan ta'liq tambahan. EKIP 2004 diteliti kerana kajian ini dilakukan di negeri Perak.

Terdapat beberapa seksyen dalam EKIP 2004 yang menyentuh secara khusus berkaitan ta'liq. Antaranya ialah seksyen 50 EKIP 2004 iaitu:

(1) Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat perakuan *ta'liq* yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.

(2) Mahkamah hendaklah memeriksa permohonan itu dan membuat suatu siasatan mengenai sahnya perceraian itu dan, jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu dan menghantar suatu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan.⁵

Seksyen di atas menyatakan isteri dibenarkan untuk memfailkan permohonan cerai ta'liq kepada mahkamah syariah apabila berlaku pelanggaran ta'liq rasmi. Mahkamah akan memeriksa dan menyiasat permohonan berkenaan sebelum mensabitkan perceraian tersebut. Najibah menjelaskan peruntukan di atas menekankan kepada keperluan isteri untuk membuat satu permohonan perceraian ta'liq kepada mahkamah kerana tanpa permohonan berkenaan, pelanggaran ta'liq tidak akan dibicarakan oleh mahkamah.⁶ Pemeriksaan dan siasatan mahkamah terhadap permohonan berkenaan tertumpu kepada pelanggaran kandungan ta'liq rasmi yang diucapkan oleh suami kepada isteri selepas akad perkahwinan seperti yang terkandung dalam sijil perakuan nikah.⁷ Menurut

⁵ Seksyen 50, Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (En.6/04).

⁶ Najibah Mohd Zin, "Perceraian dalam Undang-Undang Keluarga Islam dalam *Undang-Undang Keluarga Islam*, ed. Najibah Mohd Zin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 130.

⁷ Ibrahim Lembut, "Kaedah Ta'liq Talak di Mahkamah Syariah", *Jurnal Hukum* xxi (2006), 151.

seksyen 26 EKIP 2004, sijil berkenaan akan dikeluarkan oleh pendaftar kepada pasangan selepas akad pernikahan dengan bayaran RM 15.00.⁸

Apabila mendaftarkan mana-mana perkahwinan dan apabila dibayar kepadanya fi yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan nikah dalam borang yang ditetapkan yang hendaklah dalamnya mengandungi perakuan *ta'liq* kepada kedua-dua pihak bagi perkahwinan itu.⁹

Sebelum sijil berkenaan dikeluarkan, pendaftar dikehendaki mencatat segala butiran yang ditetapkan serta *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain dalam daftar perkahwinan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 22 EKIP 2004:

- (1) Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain bagi perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan.
- (2) Catatan itu hendaklah diaku saksi oleh pihak-pihak kepada perkahwinan itu, oleh wali, dan oleh dua orang saksi selain Pendaftar, yang hadir semasa perkahwinan itu diakadnikahkan.
- (3) Catatan itu hendaklah kemudiannya ditandatangani oleh Pendaftar itu.¹⁰

Segala butiran yang perlu dicatatkan oleh pendaftar seperti yang dituntut dalam seksyen di atas terkandung dalam borang empat.¹¹ Di antara butiran yang perlu dicatatkan ialah nombor kebenaran perkahwinan, tempat perkahwinan, nama pasangan, saksi, wali, nilai mahar dan hantaran bagi perkahwinan tersebut.¹² Catatan berkenaan perlu diakusaksi oleh wali dan dua orang saksi selepas akad pernikahan berlangsung.¹³ Catatan berkenaan kemudiannya ditandatangani oleh pendaftar.

⁸Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah Keluarga Islam (Borang dan Fee) 1988.

⁹ Seksyen 26, Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (En.6/04).

¹⁰Seksyen 22, Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (En.6/04).

¹¹ Lampiran B – Borang 4, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 2004, Seksyen 22.

¹² *Ibid.*

¹³ Ibrahim Lembut, Kaedah *Ta'liq*, 149.

Kesimpulannya, kesemua enakmen di atas menyentuh secara langsung mengenai ta'liq rasmi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kesemua ini memberi gambaran umum terhadap perjalanan dan penguatkuasaan ta'liq berkenaan di negeri Perak. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, ta'liq tambahan tidak diperuntukkan secara khusus dalam EKIP 2004. Hal ini dapat dilihat menerusi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam EKIP 2004 di mana ta'liq tambahan tidak disebut secara langsung dalam enakmen berkenaan. Meskipun ta'liq tambahan tidak disebut secara langsung dalam EKIP 2004, namun menyatakan Fazdlina menyatakan pengamalan ta'liq berkenaan tidak bertentangan dengan enakmen keluarga Islam. Beliau menjelaskan pasangan dibenarkan untuk menambah sebarang ta'liq yang dirasakan perlu selain dari ta'liq rasmi yang dibacakan oleh suami ke atas isteri selepas akad pernikahan.¹⁴ Hal ini berdasarkan seksyen 22 EKIP 2004:

(1) Selepas sahaja akad nikah sesuatu perkahwinan dilakukan, Pendaftar hendaklah mencatatkan butir-butir yang ditetapkan dan *ta'liq* yang ditetapkan atau *ta'liq* lain bagi perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan.¹⁵

Berdasarkan kepada peruntukkan di atas, pendaftar dituntut untuk mencatat butiran maklumat yang dikehendaki seperti yang dinyatakan dalam Borang Empat, ta'liq rasmi serta ta'liq lain dalam buku daftar perkahwinannya. Menurut Fadzlina, perkataan “ta'liq lain” dalam seksyen berkenaan menjelaskan bahawa pasangan dibenarkan untuk membuat sebarang penambahan ta'liq yang dirasakan perlu selepas berlangsungnya perkahwinan di antara mereka.¹⁶ Kenyataan di atas membuka ruang kepada perbincangan pengamalan ta'liq tambahan dalam kalangan pasangan. Oleh itu, penelitian terhadap ta'liq tambahan perlu dilakukan bagi melihat sebarang penambahan ta'liq dalam kalangan pasangan.

¹⁴ Nor Fadzlina Nawi, “Ta'liq Agreement: a Proposal for Reform” dalam *Islamic Family Law: New Challenges In The 21st Century*, ed. Zaleha Kamaruddin (Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia, 2004), 64.

¹⁵ Seksyen 22, Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (En.6/04).

¹⁶ Nor Fadzlina Nawi, Ta'liq Agreement, 64.

3.3. Fasa Perubahan Kandungan Ta'liq Rasmi Di Negeri Perak.

Fasa perubahan kandungan ta'liq rasmi diteliti untuk mengetahui perjalanan ta'liq rasmi yang dikuatkuasakan di negeri Perak. Hal ini kerana pasangan perlu mengetahui kandungan ta'liq rasmi yang dikuatkuasakan sebelum membuat ta'liq tambahan. Pengetahuan pasangan mengenai ta'liq berkenaan dapat mengelakkan pasangan dari memasukkan perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam ta'liq rasmi ke dalam ta'liq tambahan. Hal ini kerana ta'liq tambahan merupakan ta'liq yang dibuat oleh pasangann di mana kandungan ta'liq berkenaan tidak menyentuh secara khusus mengenai isu-isu yang telah dinyatakan dalam ta'liq rasmi.

Terdapat beberapa fasa perubahan kandungan ta'liq rasmi, sepanjang penguatkuasaan ta'liq berkenaan di negeri Perak. Penelitian fasa perubahan berkenaan dilakukan dengan melihat rekod simpanan ta'liq rasmi oleh Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Perak. Hal ini kerana bahagian ini menyimpan butiran maklumat penguatkuasaan ta'liq rasmi di negeri Perak bermula pada tahun 1963 sehingga kini.¹⁷ Melalui penelitian terhadap simpanan rekod-rekod berkenaan, pengkaji dapat membahagikan fasa perubahan ta'liq rasmi kepada tiga fasa iaitu :

Fasa pertama: penguatkuasaan ta'liq rasmi dari tahun 1963 sehingga 1988.¹⁸ Keseluruhan kandungan ta'liq berkenaan ditulis dalam tulisan jawi dan tertumpu kepada tiga isu iaitu: pertama, suami tidak memberikan nafkah kepada isteri selama tiga bulan berturut-turut atau lebih. Kedua, berlaku perbalahan di antara pasangan dan suami enggan berta'liq seperti yang dikehendaki oleh kadi dan ketiga, suami ruju' isteri tanpa

¹⁷ Lihat lampiran A-Perakuan Nikah bertarikh 5.6.2010, lampiran C- Surat Keterangan Nikah bertarikh 1.5.1963, lampiran D- Surat Keterangan Nikah bertarikh 6.6.1988, lampiran E-Surat Perakuan Nikah bertarikh 1.6.1989 dan lampiran F-Surat Perakuan Nikah yang bertarikh 19.12.2009.

¹⁸ Lihat lampiran C- Surat Keterangan Nikah bertarikh 1.5.1963 dan lampiran D- Surat Keterangan Nikah bertarikh 6.6.1988.

redhanya. Ketiga-tiga isu berkenaan dikuatkuasakan melalui ta'liq rasmi dan sebarang pelanggaran ta'liq berkenaan oleh suami akan memberi hak kepada isteri untuk membuat aduan kepada kadi syarie. Apabila pelanggaran berkenaan disabitkan oleh kadi setelah siasatan dilakukan, perkahwinan pasangan akan terbubar dengan talaq satu.

Fasa kedua: Penguatkuasaan ta'liq rasmi dari tahun 1989 sehingga 2009.¹⁹ Kandungan ta'liq berkenaan adalah sama seperti ta'liq rasmi dalam fasa yang pertama namun isi kandungannya ditulis dalam tulisan rumi. Kandungan ta'liq berkenaan tertumpu kepada tiga perkara iaitu: pertama, suami tidak memberikan nafkah kepada isteri selama tiga bulan berturut-turut atau lebih. Kedua, berlaku perbalahan di antara pasangan dan suami enggan berta'liq seperti yang dikehendaki oleh kadi dan ketiga, suami ruju' isteri tanpa redhanya. Sebarang pelanggaran suami terhadap ta'liq berkenaan akan memberikan hak kepada isteri untuk membuat aduan kepada kadi syarie. Sabitan pelanggaran ta'liq berkenaan oleh kadi tersebut akan mensabitkan talaq satu.

Fasa ketiga: penguatkuasaan ta'liq rasmi dari tahun 2010 sehingga sekarang.²⁰ Terdapat perubahan yang ketara antara kandungan ta'liq rasmi dalam fasa ini berbanding dengan kandungan ta'liq berkenaan dalam dua fasa yang lalu. Kandungan ta'liq rasmi pada fasa ini tertumpu kepada tiga perkara iaitu: pertama, suami meninggalkan isteri selama empat bulan Qamariah berturut-turut atau lebih samada dengan sengaja atau paksa. Kedua, suami tidak memberikan nafkah kepada isteri selama empat bulan Qamariah berturut-turut atau lebih. Ketiga, suami melakukan sebarang darar syarie kepada isteri. Sebarang pelanggaran ta'liq berkenaan akan memberikan hak kepada isteri untuk membuat aduan di mahkamah syariah. Pembubaran perkahwinan dalam bentuk khul'

¹⁹ Lihat lampiran E- Surat Perakuan Nikah bertarikh 1.6.1989 dan lampiran F- Surat Perakuan Nikah yang bertarikh 19.12.2009.

²⁰ Lihat lampiran A- Perakuan Nikah bertarikh 5.6.2010.

dengan bayaran RM 10.00 akan diputuskan setelah mahkamah mensabitkan pelanggaran berkenaan.

Kesimpulannya, terdapat perubahan yang berlaku terhadap kandungan ta'liq rasmi sejak ianya mula dikuatkuasakan. Perubahan ini menunjukkan suatu keprihatinan pihak berkuasa terhadap kandungan ta'liq berkenaan demi menjaga hak dan kepentingan wanita di negeri Perak secara khusus. Oleh itu, isu yang dimasukkan dalam ta'liq tambahan tidak boleh menyentuh secara khusus kandungan ta'liq rasmi iaitu pertama, suami meninggalkan isteri selama empat bulan Qamariah berturut-turut atau lebih samada dengan sengaja atau paksa. Kedua, suami tidak memberikan nafkah kepada isteri selama empat bulan Qamariah berturut-turut atau lebih dan ketiga, suami melakukan sebarang darar syarie kepada isteri. Hal ini kerana perkara-perkara berkenaan telah dikuatkuasakan menerusi ta'liq rasmi.

3.4. Prosedur Permohonan Cerai Ta'liq Di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh.

Prosedur permohonan cerai ta'liq di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh diteliti dengan sebab yang telah dijelaskan di awal bab ini iaitu mengikut saranan yang telah dikemukakan oleh Ibrahim Lembut. Mengikut saranan berkenaan, sebarang ta'liq yang dibuat selain dari ta'liq rasmi turut dibicarakan di bawah seksyen 50 enakmen keluarga Islam. Oleh itu perbicaraan pelanggaran ta'liq tambahan di mahkamah syariah turut termasuk dalam cadangan berkenaan. Dengan ini, pelanggaran ta'liq tambahan akan melalui prosedur perbicaraan yang sama dengan perceraian ta'liq.

Permohonan cerai ta'liq diuruskan oleh Mahkamah Rendah Syariah Ipoh di bawah bidang kuasa mal seperti mana yang diperuntukan kepada Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh melalui seksyen 51(2) (b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak 2004 yang

memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk mengendalikan dan memutuskan segala bentuk perceraian termasuk ta'liq.²¹

b) dalam bidang kuasa *mal* nya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan *hadhanah* atau harta sepencarian).²²

Permohonan berkenaan perlu melalui beberapa prosedur sebelum mahkamah mendaftar dan membicarakan aduan pelanggaran ta'liq berkenaan. Maklumat lengkap prosedur ini dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan diringkaskan dalam bentuk carta iaitu “Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq atau Fasakh” sebagai rujukan kepada pasangan dan boleh dilihat dalam laman sesawang mereka.²³ Maklumat yang dipaparkan dalam carta ini merupakan maklumat umum mengenai prosedur yang diamalkan oleh mahkamah syariah di Malaysia serta perjalanan proses permohonan ta'liq bermula dari permohonan berkenaan didaftarkan sehingga sijil perceraian dikeluarkan kepada pasangan oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Prosedur serta perjalanan proses permohonan ta'liq yang dinyatakan dalam carta tersebut turut diamalkan di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh.

Berdasarkan Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq atau Fasakh, proses pendaftaran perceraian ta'liq di sini bermula dengan plaintif membuat permohonan

²¹ Noormala Rabu, “Ta'liq Talak: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Melaka Tengah dari Tahun 1995–2000” (disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang –Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 26.

²² Seksyen 51(2)(b), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (En.4/04).

²³ Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, “Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq Atau Fasakh”, Laman sesawang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, dicapai pada 24 Februari 2014, <http://www.jksm.gov.my/jksmv2/images/stories/NCR/c12.pdf>.

cerai ta'liq melalui satu penyata tuntutan yang difailkan kepada defendan.²⁴ Menurut Encik Fitri, Penolong Pendaftar Tinggi Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, penyata tuntutan berkenaan tidak mempunyai borang khusus sebaliknya pihak mahkamah menyediakan satu format tetap kepada pemohon sebagai panduan kepada pasangan.²⁵

Format ini dibentuk berpandukan kepada seksyen 63, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak, ETMMSP 2004.

(1) Tiap-tiap pernyataan tuntutan hendaklah ditandatangani oleh plaintif atau Peguam Syariannya dan hendaklah mengandungi----

(a) suatu pernyataan yang ringkas lagi padat, dalam perenggan-perenggan yang bernombor, tentang fakta-fakta yang dijadikan sandaran oleh plaintif dan menunjukkan kausa tindakannya, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sifat khas yang atasnya plaintif mendakwa, jika ada;

(b) butir-butir tuntutan yang mencukupi;

(c) suatu pernyataan tentang relief yang dituntut; dan

(d) butir-butir mengenai apa-apa permohonan lain.²⁶

Penyata ini mengandungi nama plaintif dan defendan, alamat defendan, bilangan anak, tuntutan ta'liq dan lain-lain maklumat yang dikehendaki oleh mahkamah.²⁷ Pegawai bertugas akan memeriksa semula penyata tersebut setelah plaintif menyiapkan penyata ini, bagi memastikan ianya lengkap dan sempurna.

Pemeriksaan ini juga dilakukan bagi menentukan bidang kuasa mahkamah dengan menyemak tempat mastautin plaintif. Hal ini kerana mahkamah di sini hanya boleh menerima permohonan dari plaintif yang tinggal dalam kawasan Ipoh.²⁸

²⁴ *Ibid.*

²⁵ Abdul Fitri Salleh (Penolong Pendaftar Tinggi, Mahkamah Rendah Syariah Ipoh), temu bual dengan penulis, 17 Februari 2014.

²⁶ Seksyen 63, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

²⁷ Lampiran G- Penyata Tuntutan.

²⁸ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

Bayaran atau fi sebanyak RM 50.00 dikenakan kepada plaintif sebelum permohonan ini diterima dan didaftarkan di sini. Pendaftar akan menetapkan tarikh perbicaraan dalam tempoh 21 hari selepas permohonan berkenaan didaftarkan.²⁹

Mahkamah seterusnya akan menghantar satu saman kepada defendan dan disertakan bersamanya penyata tuntutan.³⁰ Hal ini kerana saman merupakan langkah permulaan yang mesti dilaksanakan oleh mahkamah sebelum memulakan perbicaraan ini seperti yang terkandung dalam seksyen 7 (1), ETMMSP 2004.³¹

1) Tertakluk kepada subseksyen (2) atau mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap prosiding *mal* di Mahkamah hendaklah dimulakan melalui saman.³²

Menurut seksyen 8, ETMMSP 2004, saman ini perlu dibuat menerusi borang MS 2.

Tiap-tiap saman----

- (a) hendaklah dalam Borang MS 2; dan
- (b) hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan tuntutan yang hendaklah mematuhi kehendak seksyen 63.³³

Borang ini mengandungi nama plaintif, defendan, alamat defendan serta tarikh sebutan kes di mana kehadiran defendan ke mahkamah adalah wajib.³⁴ Saman berkenaan akan diserahkan oleh penghantar saman mengikut alamat yang telah dinyatakan oleh plaintif dalam penyata tuntutan dalam tempoh 14 hari selepas permohonan cerai ta'liq didaftarkan.³⁵ Menurut seksyen 41, ETMMSP 2004, penghantar saman perlu

²⁹ Lampiran I-Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq atau Fasakh.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Noormala Rabu, Ta'liq Talak, 43.

³² Seksyen 7 (1), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

³³ Seksyen 8, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

³⁴ Lampiran H- Borang MS 2.

³⁵ Lampiran I-Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq atau Fasakh.

menyerahkan saman ini kepada defendan. Penerimaan saman oleh defendan disebut sebagai saman sempurna.

(1) Tertakluk kepada Bahagian ini, sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah disampaikan ke diri, dan hendaklah dilaksanakan dengan menyerahkan saman atau dokumen lain itu, atau dengan mengemukakannya untuk diperiksa dan menyerahkan suatu salinan saman atau dokumen lain itu, kepada orang yang kepadanya saman atau dokumen itu hendaklah disampaikan.³⁶

Satu laporan perlu disediakan oleh penghantar saman kepada mahkamah apabila saman berkenaan gagal diserahkan kepada defendan. Laporan berkenaan perlu menyatakan punca kegagalan saman ini diterima oleh defendan.³⁷

Dalam situasi ini, menurut seksyen 48 ETMMSP 2004, mahkamah perlu mengarahkan penghantar saman untuk menyerahkan saman gantian ke alamat yang terakhir defendan menetap atau diiklankan dalam akhbar tempatan atau apa-apa cara yang difikirkan patut oleh mahkamah.

(1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa atas apa-apa alasan yang mencukupi saman atau dokumen lain itu tidak dapat disampaikan secara biasa, Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman atau dokumen lain itu disampaikan dengan cara menampalkan suatu salinannya di papan kenyataan Mahkamah dan juga di suatu tempat yang mudah dilihat di bangunan tempat pihak yang kepadanya saman atau dokumen itu hendak disampaikan terakhir diketahui tinggal, atau mengikut apa-apa cara lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh juga, dalam mana-mana hal yang termasuk dalam subseksyen (1), membuat perintah supaya penyampaian dibuat melalui iklan dalam mana-mana akhbar tempatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(3) Penyampaian ganti hendaklah mempunyai kesan yang sama

³⁶ Seksyen 14, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

³⁷ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

seperti penyampaian ke diri.

(4) Dalam hal penyampaian ganti, Mahkamah hendaklah jika perlu, menetapkan masa bagi pihak yang berkenaan itu hadir di Mahkamah.³⁸

Pada hari perbicaraan, kedua-dua pihak dikehendaki hadir pada tarikh tersebut. Pasangan dikehendaki membawa dan mengemukakan bersama sijil nikah atau sijil ruju‘ yang asal, kad pengenalan atau sebarang dokumen pengenalan diri kepada mahkamah.³⁹ Selain itu, plaintif dikehendaki membawa dokumen asal bagi setiap lampiran sokongan yang dimasukkan dalam penyata tuntutan ini seperti laporan polis.⁴⁰

Seksyen 64, ETMMSP 2004 menyatakan defendan berhak mengemukakan pembelaan terhadap dirinya melalui penyata pembelaan bagi menjawab segala tuntutan yang dikemukakan oleh plaintif dalam penyata tuntutannya.

(1) Defendan yang mempertikaikan tanggungannya bagi keseluruhan atau sebahagian mana-mana tuntutan dalam tindakan itu boleh:

- (a) pada bila-bila masa sebelum hari kehadiran, menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan; atau
- (b) hadir pada hari kehadiran dan mempertikaikan tuntutan plaintif.

(2) Jika defendan hadir di Mahkamah dan mempertikaikan tuntutan plaintif, Mahkamah boleh memerintahkannya supaya menyampaikan suatu pembelaan dalam apa-apa tempoh masa yang diarahkannya.

(3) Pembelaan hendaklah dikemukakan dalam Borang MS 16.⁴¹

Penyata pembelaan berkenaan dibuat dalam bentuk bertulis menerusi borang MS 16 dan kandungan penyata adalah seperti yang ditetapkan oleh seksyen 65, ETMMSP 2004:

³⁸ Seksyen 48, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

³⁹ Lihat lampiran I-Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta‘liq atau Fasakh.

⁴⁰ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

⁴¹ Seksyen 64, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

(1) Tiap-tiap pembelaan hendaklah ditandatangani oleh defendan atau Peguam Syariahnya dan hendaklah----

(a) sama ada mengaku atau menafikan tiap-tiap pengatahan fakta yang material dalam pernyataan tuntutan;

(b) menyatakan dengan ringkas lagi padat apa-apa fakta baru yang dijadikan sandaran oleh defendan sebagai pembelaan; dan

(c) membangkitkan dengan ringkas lagi padat dan tanpa hujah apa-apa perkara undang-undang yang perlu.

(2) Penafian di bawah perenggan

(1) (a) tidak boleh berbentuk mengelak tetapi hendaklah menjawab perkara isi.⁴²

Penyata ini antara lain mengandungi persetujuan dan penafian defendan terhadap tuntutan dan fakta yang dikemukakan oleh plaintif ke atas dirinya.⁴³

Kebiasaannya mahkamah di sini akan menukar permohonan cerai ta'liq yang difailkan oleh plaintif kepada perceraian biasa apabila persetujuan dicapai antara kedua-dua pihak berhubung kesemua tuntutan plaintif ke atas defendan dan defendan bersetuju dengan perceraian berkenaan.⁴⁴ Mahkamah akan menetapkan semula hari perbicaraan dalam tempoh sebulan apabila tiada persetujuan dicapai antara plaintif dan defendan berhubung tuntutan yang mereka kemukakan.⁴⁵ Tempoh ini diberikan kepada pihak plaintif dan defendan untuk menyediakan dokumen yang diperlukan oleh mahkamah. Dalam tempoh tersebut, plaintif dikehendaki mengemukakan semula penyata tuntutannya serta dokumen sokongan seperti laporan polis bagi menyokong tuntutannya ke atas defendan.⁴⁶

⁴² Seksyen 65, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 (En.7/04).

⁴³ Lampiran J- Penyata Pembelaan.

⁴⁴ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

⁴⁵ Lihat lampiran I-Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq atau Fasakh.

⁴⁶ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

Pihak defendan perlu memfailkan penyata pembelaan sekiranya tidak bersetuju dengan sebarang tuntutan yang difailkan oleh plaintif ke atas dirinya dan mengemukakan tuntutan balas ke atas plaintif sekiranya terdapat tuntutan dari pihak defendan ke atas plaintif.⁴⁷ Plaintif dikehendaki mengemukakan jawapan terhadap tuntutan balas sekiranya defendan memfailkan tuntutan balas ke atas dirinya.

Pada hari perbicaraan, kedua-dua pihak perlu hadir untuk memberikan keterangan. Dalam perbicaraan ini, plaintif akan mula memberikan keterangan dan plaintif kemudiannya disoal oleh peguamnya. Peguam defendan akan menyoal balas plaintif dan diakhiri oleh soalan dari peguam plaintif.⁴⁸ Saksi-saksi plaintif akan dipanggil untuk memberikan keterangan mereka setelah plaintif selesai memberikan keterangannya. Seterusnya defendan akan memberikan keterangannya dan melalui proses yang sama dengan plaintif di mana peguam defendan akan menyoal defendan. Peguam plaintif akan menyoal balas defendan dan peguam defendan akan menutup sesi ini dengan menyoal kembali defendan. Mahkamah seterusnya akan memanggil dan mendengar keterangan dari saksi-saksi defendan.

Hakim akan meminta hujah bertulis dari plaintif dan defendan setelah selesai keterangan oleh semua pihak termasuk plaintif, defendan, saksi dan kesemua bukti telah dikemukakan kepada pihak mahkamah sebelum penghakiman dibuat.⁴⁹ Hujah bertulis tersebut mengandungi hujah pihak yang terlibat dalam mempertahankan tuntutan dan dakwaan yang telah mereka kemukakan.⁵⁰

⁴⁷ Lihat lampiran K- Tuntutan Balas.

⁴⁸ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

⁴⁹ Lihat lampiran I-Carta 12, Proses Kes Perceraian Secara Ta'liq atau Fasakh.

⁵⁰ Temu bual bersama Abdul Fitri Salleh, 17 Februari 2014.

Hakim akan membuat keputusan samada mensabitkan atau tidak mensabitkan permohonan cerai ini berdasarkan pertimbangannya terhadap keterangan semua pihak dan bukti yang telah dikemukakan. Apabila hakim mensabitkan perceraian ini, mahkamah akan memberikan rekod perceraian kepada pasangan yang mengandungi proses perbicaraan yang berlangsung antara pasangan, tuntutan plaintif dan defendan serta alasan penghakiman.⁵¹

Pasangan dikehendaki segera mendaftarkan perceraian mereka di Jabatan Agama Islam Ipoh. Mereka dikehendaki menyerahkan rekod perceraian yang dikeluarkan oleh mahkamah, sijil nikah atau sijil ruju', kad pengenalan pasangan atau sebarang dokumen pengenalan diri dan perintah daftar cerai oleh mahkamah kepada pihak jabatan. Bayaran sebanyak RM 15.00 akan dikenakan kepada pasangan sebelum perceraian ini didaftarkan dan sijil perceraian dikeluarkan kepada pasangan.⁵²

3.5. Kesimpulan.

Terdapat beberapa peruntukan dalam EKIP 2004 yang menyentuh berkaitan ta'liq rasmi secara khusus. Peruntukan enakmen-enakmen ini hanya tertumpu kepada ta'liq rasmi. Pengamalan ta'liq tambahan dalam kalangan pasangan menurut Fazdlina tidak bertentangan dengan seksyen 22 EKIP 2004. Oleh itu, pengamalan ta'liq berkenaan dapat dilaksanakan oleh pasangan. Terdapat beberapa fasa perubahan terhadap kandungan ta'liq rasmi sepanjang penguatkuasaannya di Perak. Perubahan ini menunjukkan bahawa kandungan ta'liq berkenaan boleh menerima pindaan bagi melindungi hak serta kepentingan wanita. Tindakan ini secara tidak langsung memperlihatkan kesediaan pihak bertanggungjawab untuk menyediakan perlindungan yang lebih baik terhadap hak dan kepentingan wanita melalui penguatkuasaan ta'liq

⁵¹ *Ibid.*

⁵² Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah Keluarga Islam (Borang dan Fee) 1988.

rasmi. Oleh itu, ta'liq tambahan boleh dijadikan sebagai cadangan kepada pihak berkenaan untuk diteliti dan dilaksanakan oleh mereka. Mahkamah menetapkan prosedur yang tertentu dalam menyiasat aduan pelanggaran ta'liq rasmi sebelum perceraian ini disabitkan. Pengkaji mencadangkan agar prosedur yang sama digunakapai oleh pihak mahkamah dalam menyiasat pelanggaran ta'liq tambahan setelah aduan dibuat kepada mahkamah. Hal ini kerana kedua-duanya mempunyai banyak persamaan dan memudahkan perbicaraan mengenainya.